

GARIS PANDUAN PENGANJURAN PROGRAM LATIHAN/KURSUS OLEH BAHAGIAN/UNIT

Garis panduan penganjuran program latihan/kursus di luar pejabat atau luar stesen oleh Bahagian/unit/Wilayah (termasuk aktiviti ISO, Pelesenan/Penguatkuasaan dan lain-lain) yang melibatkan kumpulan yang ramai atau sebilangan besar pegawai dan kakitangan sesuatu Bahagian/Unit telah diluluskan oleh mesyuarat Pengurusan pada 4 Oktober 2007 dan hendaklah dipatuhi oleh semua Bahagian/Unit/ Stesen/Wilayah.

1. Ketua Unit menentukan adanya peruntukan Bahagian/Unit. Jika sekiranya menggunakan peruntukan latihan UPSM, terlebih dahulu perlu mendapatkan kelulusan Ketua UPSM.
2. Ketua Unit menyediakan kertas kerja terperinci dan mendapatkan kelulusan Pengarah Bahagian.
3. Mengemukakan semua permohonan kursus kepada Ketua UPSM untuk tindakan selanjutnya.
4. Ketua UPSM menyediakan kertas pengurusan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat Jabatanarah atau pengurusan.
5. Program latihan seperti “team building”, lawatan sambil belajar dan sebagainya hendaklah diadakan pada hujung minggu (tidak melibatkan waktu pejabat).
6. Tidak dibenarkan cuti gantian bagi program kursus yang diadakan/dijalankan pada hujung minggu.
7. Lain-lain tuntutan seperti elaun lebih masa, elaun perjalanan, elaun harian dan sebagainya **TIDAK** dibenarkan
8. Pengarah Bahagian menentukan kaedah pengangkutan sama ada menggunakan bas, van, kenderaan rasmi atau kenderaan peribadi yang akan dibiayai dari bajet Unit berkenaan. Walau bagaimanapun, penggunaan bas adalah digalakkan.
9. Unit-Unit yang mempunyai bilangan kakitangan yang kecil digalakkan bekerjasama dalam penganjuran program latihan/kursus.
10. Pasukan Pencegah Kebakaran dan Kumpulan Koir LGM diiktiraf sebagai satu pasukan yang menikmati kemudahan ini .
11. Kemudahan ini diberi secara bergilir-gilir antara Bahagian/Unit, iaitu sekali dalam tempoh dua (2) tahun
12. Peraturan ini tertakluk kepada faktor semasa, keupayaan kewangan dan sebagainya serta ianya boleh dipinda dari masa ke semasa atau dimansuhkan.
13. Garis panduan ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2007**.